



English | Malay | Mandarin |

| Español

[TENTANG BERNAMA](#) [AM](#) [POLITIK](#) [EKONOMI](#) [SUKAN](#) [RENCANA](#) [DUNIA](#) [E-NEWSLETTER](#) [WEB TV](#) [SENARAI BERITA](#) [ARKIB BERITA](#)
Breaking News / Berita Tergempar
[Laman Mikro](#) » [Perbankan & Kewangan](#) • [Auto](#) • [Penerangan](#) • [Maritim](#) • [Pendidikan](#) • [Hartanah](#) • [Belia](#) • [eBiz](#) [Berita](#) [Who's Who](#)
EKONOMI > BERITA

Tiger Synergy Sasar 200 Peratus Peningkatan Hasil Pada FY2016

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Tiger Synergy Bhd (TSB) menyasarkan peningkatan hasil sebanyak 200 peratus dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun, 2016, susulan pengambilalihan syarikat semi konduktor dan beberapa pelancaran baharu hartenah.

Pengarah Urusannya Shirley Tan Lee Chin berkata cadangan pengambilalihan syarikat semi konduktor BPE Synergy Engineering Sdn Bhd (BPE), dijangkakan selesa pada separuh kedua tahun ini pada pertimbangan belian RM16 juta menerusi pertukaran saham.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman antara TSB dan BPE.

Tan berkata BPE akan menyumbang sekurang-kurangnya RM18 juta kepada hasil kumpulan.

"Pengambilalihan itu bertujuan mempromosikan kepelbagaiannya perniagaan, meningkatkan hasil dan keuntungan selain membolehkan kami menambah nilai kepada penawaran hartenah kami dengan memasukkan ciri rumah pintar dengan memanfaatkan kepakaran BPE," kata Tan.

BPE mempunyai kepakaran dalam reka bentuk dan pemasangan papan litar bercetak (PCB), baik pulih dan penyelenggaraan.

TSB akan mengambil alih 1.8 juta saham BPE sebagai pertukaran untuk terbitan dan peruntukan 200 juta sahamnya pada harga terbitan lapan sen.

Ia turut menyaksikan BPE menjadi anak syarikat milik penuh dengan 10 peratus penguasaan dalam kumpulan itu.

"MoU juga melibatkan jaminan keuntungan sekurang-kurangnya RM2 juta bagi tahun kewangan bagi tempoh berterusan selama tiga tahun selepas selesainya pertukaran saham terbabit," kata Tan.

Mengenai segmen hartenah syarikat, TSB dijangkakan melancarkan sekurang-kurangnya lima projek sedia ada dan projek akan datang dalam tempoh dua tahun (2016 dan 2017) dengan nilai pembangunan kasar kira-kira RM500 juta.

"Walaupun pasaran hartenah semakin perlahan, kami menjangkakan prestasi jualan akan meningkat memandangkan lokasi hartenah terletak di kawasan utama dan kami menawarkan harga jualan yang menarik, dengan ciri nilai tambah rumah pintar," kata Tan.

-- BERNAMA

[>> Senarai Berita](#)

[Purchase This News](#)

Kami menyediakan langganan berita melalui perkhidmatan [Newswire](#).

Ketahui perkembangan dunia perniagaan dan ekonomi Malaysia menerusi

MALAYSIA eBiz Mingguan
Versi Bahasa Inggeris

Berita Utama Terdahulu

ATM Jaga Kebajikan Keluarga Allahyarham Kapten Hasman - Hishammuddin
Jenazah Kapten Hasman Hussin Selamat Dikebumikan
Zahid Hamidi Sertai Solat Jenazah Kapten Hasman Hussin

Berita Terkini Lain

A Sakthivel Kekal S.U. Agung MIC; S. Vell Paari Bendahari Agung Baharu- [politik](#)
Malaysia Nikmati Kelebihan Jika Sertai TPPA Lebih Awal - Mustapa Mohamed- [ekonomi](#)
Pemain Hoki Negara Perlu Manfaat Peluang Bukti Kemampuan - Van Huizen- [sukan](#)
Wira Kinabalu Yang Tidak Didendang- [rencana](#)
Ukraine Prioritises External Relations With ASEAN, Vietnam- [dunia](#)

▼ iklan

BERNAMA IMAGES
 Capturing Headlines, Milestones and History

BERNAMA IMAGES Perkhidmatan Foto Bernama kini mula memperkenalkan produk dan menggunakan perkhidmatan baru berdasarkan foto seperti bahan pameran, bahan penerbitan, foto konvokeyan, kerja digital, cetakan dan grafik, serta liputan majlis korporat.






Berita Pilihan Tertinggi

Feri Karam: 158 Penumpang Dan Kru Selamat - Bomba
Musa Sambut Baik Langkah Petronas Biayai Pembinaan Kampus Teknikal MRSR Di Ranau
Malaysia Kutuk Keras Ujian Bom Hidrogen Bawah Tanah Korea Utara - Anifah